



08 APR, 2020

Sayuran dibenar keluar dari Kundasang: Junz

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Sayuran dibenar keluar dari Kundasang: Junz

KOTA KINABALU: Kerajaan memberi pengecualian untuk aktiviti mengangkut sayuran dari Kundasang ke bahagian-bahagian lain di Sabah termasuk Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau sejak minggu pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.



Setakat ini, 148 permit melibatkan 184 kenderaan telah didaftarkan dengan pelekat pergerakan khas.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong (gambar), memaklumkan perkara itu sebagai menjawab kenyataan media oleh Ketua Unit Kg Lipasu untuk Persatuan Peladang Kawasan Kinabalu (PPK), baru-baru ini.

Jailin dilaporkan sebagai berkata "masalah itu semakin buruk kerana pemborong sayuran dari luar Kundasang tidak dibenarkan masuk. Sayur-sayuran adalah penting untuk rakyat dan pengeluaran dan jualan mereka mesti diteruskan."

Junz berkata, agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan PKP adalah Polis Diraja Malaysia, tetapi pengangkutan sayuran dari Kundasang ke Brunei, Sarawak malah Semanjung diberi pengecualian.

Junz menjelaskan bahawa di peringkat daerah Ranau/ Kundasang, semua agensi yang terlibat bekerja sama untuk memastikan petani dan pengangkut diberi bantuan.

"Kementerian saya, pejabat daerah, polis, Kementerian Kesihatan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan semua yang terlibat bekerja rapat dengan pihak berkepentingan yang relevan seperti petani dan pengangkut untuk memastikan proses itu lancar.

"PKP menjejaskan semua orang, termasuk petani di Kundasang. Ini tidak dapat dielakkan kerana kita perlu mengurangkan jumlah kes positif Covid-19. Tetapi kami bekerjasama rapat untuk mengurangkan kesan ke atas aktiviti penting."

Junz berkata, beliau dimaklumkan bahawa Fama Sabah sedang memantau keadaan untuk memastikan sayur-sayuran ditanam di Kundasang sampai ke Tawau, Lahad Datu, Sempona, Sandakan, Kudat dan Kota Kinabalu.

"Sayuran dari Kundasang malah sampai Sarawak melalui Sindumin. Sebenarnya Fama Sabah juga telah memudahkan 45 metrik tan sayur-sayuran untuk sampai ke tempat-tempat termasuk Selayang di Selangor dan Kuala Lumpur. Tiada masalah," katanya.

Sementara itu, Junz memuji petani dan aktivis Azizul Julirin dan rakan-rakannya yang membantu pengangkutan sayur-sayuran ke Kota Kinabalu.

"Saya telah bertemu dengan Azizul Julirin yang merupakan aktivis pemuda dan petani di Kundasang. Dia dan rakan-rakannya telah mengangkut sayuran dari Kundasang ke Kota Kinabalu."

"Ssiapa Jailin Nazrin yang membuat dakwaan tidak berasas itu? Adakah dia dari Kundasang dan memang seorang petani di Kundasang? Kami tidak pernah melihat dia malah penduduk tempatan tidak mengenali dia.

"Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian akan terus membenar dan memantau keadaan. Kami telah akukan ini sejak minggu pertama PKP dan kami akan terus melakukannya," kata Junz.



08 APR, 2020

Sayuran dibenar keluar dari Kundasang: Junz

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOIA KINABAIH11 Ki'i .i j a a 11 in (* ml i* 11 penge (i i a l l n i i i n l u l a k t i v i t i n i f i i p , . i n j j , k u l s . i y u i ' i i i d i n i K u n d a s a n g k e l t . i l l . i) , i . i n l) . i l l . l) * , i . i n l a i n